

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH
BIN MAT NAWI [TUMPAT]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan justifikasi cadangan penjualan hartanah mewah Malaysia kepada pembeli di Hong Kong dan China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Maklumat Harta Tanah Siap Dibina Tidak Terjual Suku Kedua Tahun 2019 yang diterbitkan oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), sebanyak 8,298 unit rumah tidak terjual bernilai RM5.7 bilion bagi kategori harga RM500,001 hingga RM1,000,000. Manakala bagi kediaman bernilai RM1,000,000 ke atas, sebanyak 4,213 unit bernilai RM8.3 bilion tidak terjual. Pecahan bagi unit tidak terjual mengikut unit dilancar adalah seperti berikut:

**UNIT RUMAH SIAP DIBINA TIDAK TERJUAL
MENGIKUT KATEGORI HARGA (SUKU KEDUA TAHUN 2019)**

KATEGORI HARGA	UNIT DILANCARKAN	UNIT TIDAK TERJUAL		NILAI TIDAK TERJUAL (RM JUTA)
		BIL.	%	
BAWAH RM300,000	39,787	11,511	28.9	2,279
RM300,001 -RM500,000	29,946	8,788	29.3	3,387
RM500,001 -RM700,000	25,128	5,217	20.8	3,117
RM700,001 -RM1000,000	14,011	3,081	22.0	2,585
ATAS RM1,000,000	15,252	4,213	27.6	8,391
JUMLAH	124, 124	32,810	26.4	19,760

2. Justeru, bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang positif, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencadangkan agar tindakan segera diambil bagi memastikan lambakan rumah mewah ini terjual dan sekali gus membantu merancakkan kembali ekonomi negara. Sehubungan itu, Kementerian mencadangkan agar rumah-rumah mewah yang tidak terjual ini boleh dijual kepada ekspatriat yang berkelayakan mengikut mekanisme sedia ada Kerajaan melalui program Malaysia My Second Home (MM2H).

3. Selain itu, berdasarkan transaksi jual beli hartanah kediaman yang dikeluarkan oleh NAPIC, sehingga kini (Jan - Jun 2019), jumlah pemilikan rumah oleh warga asing adalah amat rendah dengan jumlah sebanyak 398 orang (0.4%), berbanding pemilikan oleh warga Malaysia iaitu 99,524 orang (99.6%). Secara keseluruhan, transaksi ini menunjukkan pasaran hartanah kediaman bagi warga asing masih terkawal. China dan Hong Kong pula dipetik sebagai contoh antara negara yang boleh disasarkan memandangkan harga purata hartanah di negara tersebut adalah tinggi.

Sekian, terima kasih.